

Sedia hadapi kerentah usahawan

Pegawai Pertanian UPM pastikan APEEC jadi pemangkin tambah baik perniagaan berasas pertanian



Oleh Nurul Farina Nazlan
nfarina@bharian.com.my

SERDANG: Berpegang kepada prinsip bahawa minat boleh dipupuk dan juga dorongan ibu tercinta, Pegawai Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Mahani Amat @ Halimi, terus gigih melakar kecemerlangan dalam bidang kerjanya.

Ibu muda berusia 31 tahun ini menyifatkan galakan ibunya yang ingin melihat beliau memasuki universiti, sebagai pemangkin kepada kejayaannya yang kini diberi mandat menggalas tanggungjawab di Unit Pembangunan Keusahawanan dan Jalinan Industri, Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) UPM.

"Bagi saya, setiap bidang pengajian ada keistimewaan tersendiri dan saya mula menanamkan minat sejak memasuki kuliah pertama dalam jurusan Diploma Pertanian pada 1999. Saya percaya sekiranya kita berusaha bersungguh-sungguh,



Tidak dinafikan bidang kerjaya saya adalah mencabar kerana perlu berdepan dengan pelbagai kerentah usahawan. Namun berkat sokongan rakan setugas, semua masalah dapat diatasi dengan baik 99

Mahani Amat @ Halimi
Pegawai Pertanian UPM

akhirnya minat itu pasti timbul.

"Tidak dinafikan bidang kerjaya saya adalah mencabar kerana perlu berdepan dengan pelbagai kerentah usahawan. Namun berkat sokongan rakan setugas, semua masalah dapat diatasi dengan baik.

"Saya juga menjadikan kakitangan sebagai rakan dan berpegang kepada prinsip membimbang bukan mengarah supaya kerja berjalan lancar," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Mahani berkata, bidang tugasnya



● NURUL SHAFINA JEMERON | BERITA HARIAN

PROFIL

Nama: Mahani Amat @ Halimi
Umur: 31 tahun
Tarikh Lahir: 9 Mac 1981
Asal: Johor Bahru
Status: Berkahwin
Suami: Mohd Zin Suramat
Anak: Nurain Syakirah (4 tahun) dan Nurain Syuhada (2 tahun)
Jawatan: Pegawai Pertanian UPM

dapat berkongsi ilmu dengan masyarakat dengan menghasilkan buku mengenai cara penanaman dan penjagaan buah naga. Buku ini diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 2007 dan saya bekerjasama dengan rakan setugas, Mohd Ghazali Mohd Satar dalam menghasilkannya," katanya.

"Kini, saya dalam proses menyiapkan monograf berkenaan kundur kerana bagi kami, hasil penyelidikan harus dikongsi bersama masyarakat. Saya juga berpegang kepada prinsip kerja adalah ibadah dan harus dilakukan dengan penuh amanah serta ikhlas kerana hasil rezeki itu akan dimakan anak dan keluarga," katanya.

membolehkan beliau mengenali dunia keusahawanan secara lebih mendalam, terutama yang berkait rapat dengan pertanian.

Beliau yang berasal dari Johor Bahru berkata, ada usahawan menyangka APEEC berperanan menyurukkan dana bagi pembangunan perniagaan mereka, sedangkan pusat itu hanya menjadi pemangkin untuk menambah baik perniagaan berdasarkan pertanian dengan memberi bantuan melalui pengetahuan pakar.

"Tidak dinafikan terdapat usahawan cuba menggunakan lambang UPM untuk mempromosi produk mereka, tetapi ada yang tidak menjalankan perniagaan dengan baik sehingga menjejaskan imej kami.

"Berikutan itu, saya perlu berhati-hati dalam memilih usahawan yang ingin memajukan produk mereka dengan meneliti segenap aspek penilaian, selain meminta mereka menghasilkan kertas kerja seperti yang diinginkan panel penilai.

"Melalui kerjaya ini, saya juga